



**MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR  
WISMA MPKK, JALAN TAIPING,  
33000 KUALA KANGSAR, PERAK**

**SEBUTHARGA PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI  
WISMA MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR, BANGUNAN MPKK CAWANGAN  
SUNGAI SIPUT (U), KOLAM RENANG KUALA KANGSAR DAN  
ARENA SUNGAI SIPUT (U)**

1. Tawaran ini adalah dipelawa kepada Penyebutharga-Penyebutharga yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN** di bawah kod bidang **PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI BAWAH KEPALA DAN SUB-KEPALA 220801 (KAWALAN KESELAMATAN)** yang masih sah dan berkuatkuasa.
2. Sebutharga ini adalah seperti Jadual di bawah:

BIL.	TARIKH JUALAN DOKUMEN	LAWATAN TAPAK (DIWAJIBKAN)	TEMPOH KONTRAK
1.	29.11.2018 hingga 05.12.2018	a) WISMA MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR b) BANGUNAN MPKK CAWANGAN SUNGAI SIPUT (U) c) KOLAM RENANG KUALA KANGSAR d) ARENA SUNGAI SIPUT (U)  TARIKH LAWATAN TAPAK : 29.11.2018 JAM 9.00 PAGI (BERKUMPUL DI RUANG LOBI, MPKK)  HARGA DOKUMEN : <u>RM50.00</u>	(2 TAHUN) 1 JANUARI 2019 HINGGA 31 DISEMBER 2020

3. Dokumen sebutharga dijual mulai **29.11.2018 (Khamis) hingga 5.12.2018 (Rabu)** di kaunter Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 2, Wisma MPKK, 33000 Kuala Kangsar, Perak semasa waktu bekerja sahaja. **Permohonan sebutharga hendaklah dihantar sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari 6.12.2018 (Khamis).**
4. Satu taklimat dan lawatan tapak akan diadakan pada **29.11.2018 jam 9.00 pagi**. Kehadiran adalah **diwajibkan** bagi kontraktor yang ingin memasuki tawaran sebutharga ini. Dokumen sebutharga hanya akan dijual kepada kontraktor atau wakil yang sah yang telah melawat ke tapak dengan bayaran berbentuk **TUNAI** dan bil boleh didapati semasa pembelian dokumen dibuat.

5. Semasa permohonan, Penyebutharga-Penyebutharga hendaklah mengemukakan salinan dokumen-dokumen berikut:
  - a. Sijil Akuan Pendaftaran Penyebutharga dari Kementerian Kewangan **yang masih sah dan berkuatkuasa**; dan
  - b. Lesen Menjalankan Agensi Persendirian dari Kementerian Dalam Negeri **yang masih sah dan berkuatkuasa**.
6. **Sekiranya Penyebutharga tidak mempunyai Sijil Akuan Pendaftaran Penyebutharga dan mempunyai Sijil Virtual, Penyebutharga hendaklah mengemukakan Nombor Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan kepada Urus Setia bagi penyemakan dan pengesahan status pendaftaran syarikat.**
7. Tawaran sebutharga **tidak akan dipertimbangkan** sekiranya:
  - a. Penyebutharga **LEWAT** mengemukakan tawaran sebutharga secara manual;
  - b. Penyebutharga **GAGAL** mengemukakan **dokumen wajib** seperti yang dinyatakan dalam Dokumen dan Borang Sebutharga.
8. Majlis Perbandaran Kuala Kangsar **tidak terikat** untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebutharga.
9. Borang Sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri bertanda "**TAWARAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI WISMA MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR, BANGUNAN MPKK CAWANGAN SUNGAI SIPUT (U), KOLAM RENANG KUALA KANGSAR DAN ARENA SUNGAI SIPUT (U)**" dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga sebelum jam 12.00 tengahari pada atau sebelum tarikh tutup sebutharga.



(DATO' SHAHROM BIN DATO' ABD. MALIK, DPMP., PMP., AMP., PPT.)  
Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Kuala Kangsar

